

Qalam

Bilangan 71 Zulkaedah 1375 Jun 1956 60 sen

Kita Dan Jus Soli

Umum orang-orang Melayu telah mengetahui bahawa kerakyatan jus soli ialah seseorang asing yang diperanakkan di Tanah Melayu adalah dengan sendirinya menjadi rakyat Tanah Melayu dan berhak sebagai rakyat negeri ini.

Yang demikian ini telah diperjuangkan sebegitu lama oleh orang-orang Cina dan itulah juga perjuangan yang sudah dilakukan hampir-hampir 40 tahun oleh Sir Cheng Tan pemimpin M. C. A. yang ada sekarang. Berbagai-bagai cara telah diperjuangkannya untuk mendapatkan hak-hak yang tersebut – dengan cara berkawan dan dengan cara berlawan. Itulah dia tipu muslihat perjuangan yang sedang dituju olehnya iaitu satu-satu hak yang mutlak supaya didapati olehnya. Dalam memorandumnya kepada Baginda King di India pada tahun 1943 Sir Cheng Lock Tan di antara lain-lain ada berkata: “Sebaik-baik jalan bagi melayan orang-orang Cina ialah mempercayai mereka dan memberi satu peluang kepada mereka yang telah tinggal di Malaya terutama sekali telah tinggal bersama-sama dengan familinya, bagi masa yang telah cukup lama, dan telah menjadi penduduk negeri, bagi mendapat hak kerakyatan Malaya dan membolehkan mereka menentukan diri mereka kepada masalah-maslahat negeri yang diakui oleh mereka. Inilah sebaik-baik dan sebijak-bijak jalan untuk dijalankan bagi menghuraikan masalah Cina dalam mengikut pendapat penulis.” (Sir Cheng Lock Tan).

Sekarang telah tersiar di dalam Straits Times 13 tahun kemudian iaitu pada 20 hari bulan Mei 1956 Sir Cheng Lock Tan di Kuala Lumpur ada berkata bahawa “Perikatan adalah sentiasa berazam untuk menubuhkan satu rupa bangsa Malayan – ini adalah bertujuan bahawa tiap-tiap seorang yang diperanakkan di dalam negeri ini akan menjadi bangsa Malayan. Tidak ada erti kata yang lain dalam hal ini.”

Sir Cheng Lock Tan berkata bahawa Perikatan telah sentiasa berazam. Kata-kata ini adalah mengingatkan kita kepada satu berita yang telah dinafikan, bahawa empat orang pemimpin UMNO bersama lima orang M. C. A. telah menandatangani satu persetujuan untuk menerima kerakyatan jus soli itu. Sir Cheng Lock Tan ialah seorang Yang Dipertua M. C. A. dan seorang kuat dalam Perikatan, ia telah mengatakan bahawa azam Perikatan maknanya telah termasuk dalam azam Tengku Abdul Rahman untuk menubuhkan rupa bangsa Malayan di Tanah Melayu ini. Sir Cheng Lock Tan berhak berkata sebagai orang Perikatan – ia tidak berkata sebagai Yang di-Pertua M. C. A.

Daripada kenyataan ini kita suka bertanya adakah pengakuan yang diisytiharkan oleh Sir Cheng Lock Tan itu dipersetujui oleh pengikut-pengikut UMNO yang mengaku berjuang untuk maslahat bangsa Melayu? Apakah orang-orang UMNO akan sentiasa patuh dan taat setia kepada kehendak-kehendak pucuk pimpinan kalau sekiranya maslahat yang dijalankan oleh pucuk pimpinan itu berlawanan dengan dasar dan kehendak orang-orang Melayu yang diakui diperjuangkan oleh ahli-ahli UMNO?

Jawapan-jawapan kepada soal ini sekarang tidak terletak kepada seluruh bangsa Melayu, tetapi terletak kepada tangan bangsa Melayu yang duduk di dalam UMNO kerana kekuasaan itu pada masa ini di tangan mereka.

Sekiranya terjadi sesuatu perkara yang maslahat bangsa Melayu terjual, atau digadai oleh orang-orang Melayu di dalam UMNO maka jagalah pada satu masa nanti anak cucu kita akan membangkitkan bahawa UMNO itu ertinya ialah Persatuan Kebangsaan Malayan. Bukan Persatuan Kebangsaan Melayu! Ingatlah dan koreksilah tiap-tiap gerak langkah pucuk pimpinan supaya orang-orang Melayu yang di dalam UMNO itu kelak tidak akan menjadi orang-orang yang dicucuk hidungnya dibawa ke sana ke mari dan bakal ternoda namanya oleh bangsa Melayu yang akan datang!

Kerakyatan jus soli ertinya kepada bangsa Melayu ialah menjadikannya penumpang di dalam negeri ini. Kebangsaan jus soli ertinya dalam masa sepuluh tahun atau dua puluh tahun yang akan datang, orang-orang Melayu yang beragama Islam akan diperintah oleh orang-orang yang asalnya berdagang di negeri ini. Dan janganlah diharap bahawa mereka orang-orang Melayu akan dapat memerintah anak-anak dagang lagi. Segala janji-janji akan tinggal janji-janji belaka, segala akuan-akuan akan tinggal akuan-akuan belaka, dan pada hakikatnya Melayu akan tidak mempunyai kekuasaan langsung di dalam negerinya sendiri.

Apakah sebabnya kita katakan begitu? Jawabnya lihatlah statistik beranak dan mati. Selidiklah dan perhatikanlah keadaan-keadaan disekeliling kejadian-kejadian itu. Dalam masa 10 tahun yang akan datang mereka itu akan bertambah banyak dan dengan cara kerajaan yang ada sekarang sudah tentu mereka akan mendapat wakil-wakil mereka yang lebih banyak dari kita dan dalam sistem demokrasi siapa yang banyak itulah yang berkuasa dan pada masa itu dimanakah kedudukan bangsa Melayu? Dimanakah kedudukan anak-anak kita kelak? Jawabannya mereka akan diperintah oleh orang dagang!

Perjanjian pemimpin UMNO, khususnya ulama UMNO, akan menegakkan pelajaran dan cita-cita Islam akan

menjadi tiupan belaka, akan menjadi sebagai madu bercampur racun kepada umat Islam di negeri ini! Islam tidak akan berkuasa dan berdaulat selain keadaannya sebagai di tanah jajahan seperti di tanah Singapura ini! Islam akan diperhamba – itulah dia perjanjian-perjanjian yang tepat dan benar jika sekiranya kerakyatan jus soli disetujui. Mereka, anak dagang yang akan memerintah, dan bukan kita!

Oleh sebab itu wahai umat Melayu! Wahai bangsa Melayu khususnya yang duduk di dalam UMNO hendaklah kamu bercemburu mengkritik atau mengkoreksi langkah-langkah pucuk pimpinan. Janganlah kamu menjadi orang yang taat, taat buta kepada pucuk pimpinan! Ingatlah dan perhatikanlah tiap-tiap gerak langkahnya. Janganlah dipandang kepada keikhlasannya tetapi pandang segala gerak-gerinya kerana dengan memandang dan mengkoreksi itu bermakna menjaga keselamatan dan kesejahteraan kita bersama.

Di dalam buku “Amaran” yang kita telah terbitkan pada bulan Mei tahun 1950 – enam tahun yang lalu, di dalam pendahulunya kita sebutkan “cemburu kepada semua perkataan dan perangai yang manis itu adalah menyelamatkan kita kemudian hari”. Dan pada enam belas tahun yang lampau iaitu pada 31 Januari 1940 pengarang Warta Melayu telah memperingatkan pemimpin-pemimpin khususnya bangsa Melayu kepada tipu muslihat perjuangan anak-anak dagang itu dengan katanya : “Penganjur-penganjur Cina sedarkan kelemahan kita Melayu di dalam iktisad dari itu mereka tidak akan sudi berkerjasama dengan kita melainkan bermuslihat kepada kaumnya sendiri.”

Sekarang, ahli-ahli UMNO dituduh beranasir Komunis sekiranya mereka mendatangkan fikiran-fikiran yang berlawanan dengan pendapat pucuk pimpinan UMNO. Kita seolah mendengar bahawa tuduhan itu datangnya dari penjajahan yang dahulu iaitu apabila ada gerak yang berguna

masalah bangsa sendiri dituduh gerak Komunis.

Ingatlah wahai bangsa Melayu, khususnya yang di dalam UMNO, janganlah takut menegakkan yang hak kerana yang hak itu akan terserahlah dan koreksilah tiap-tiap sesuatu yang bakal merugikan bangsa Melayu. Kalau tidak nescaya kamu akan di kata orang: “Bangsa yang menjual bangsanya”.

* * *

Ikhwan

Mulai dari keluaran Qalam yang lalu kita telah menyiarkan satu iklan berkenaan dengan persahabatan yang diletakkan di bawah nama Ikhwan. Kita, memikirkan beberapa lama dan melihat keadaan-keadaan di sekeliling kita hari ini, berpendapat telah tiba masanya bagi kita mengadakan persahabatan itu yang kita asaskan semata-mata menghidupkan perasaan persaudaraan di antara umat Islam yang ditaja oleh junjungan kita Muhammad (SAW).

Tujuan kita tidak lain bahawa mudah-mudahan dengan langkah itu nanti dapat Ikhwan atau persaudaraan itu ditalikan di antara satu dengan lain dan dihidupkan jiwa persaudaraan itu di dalam masyarakat kita. Kita berharap mudah-mudahan langkah itu akan berjaya dan mendapat sambutan daripada masyarakat kita Islam. Kita tidak memilih siapa dia dan bagaimana keadaannya – dari golongan apa dia dan dari mana ia. Yang kita harap bahawa tiap-tiap orang yang suka menyertai adalah berjiwa Islam dan suka mengikut tali persaudaraan Islam.

Kita tidak mengenakan apa-apa yuran kepada tiap-tiap orang yang suka menjadi anggota Ikhwan dan tidak ada juga satu jawatankuasa yang mengerjakannya. Ia hanya dikelolakan sebagaimana keadaan sahabat pena atau book club, dan kerana itulah pihak kita memberi potongan 20% bagi apa-apa juga yang kita terbitkan

kepada orang-orang yang telah menjadi anggota Ikhwan jika ia memesan terus ke pejabat kita.

Tiap-tipa seorang yang suka menjadi anggota Ikhwan adalah diminta membeli satu *badge* (lencana), satu surat tauliah, sebuah buku panduan dan sekeping kad pengenalan yang harganya termasuk harga setem sebanyak 50 sen sahaja.

Kita mencuba seberapa daya upaya akan menyiarkan nama-nama anggota Ikhwan yang telah sampai di tangan kita di dalam majalah Qalam ini buat sementara. Mudah-mudahan nanti jika ahli-ahli Ikhwan sudah banyak maka jika yang demikian jaya insya-Allah kita akan berusaha menerbitkan sebuah majalah khusus bagi ahli-ahli Ikhwan – untuk bertukar-tukar fikiran dan untuk menghidupkan roh persaudaraan Islam antara satu dengan lain dengan meriwayatkan hal-hal yang mengenai persaudaraan Islam yang telah dibina oleh junjungan kita terutamanya di dalam riwayat yang mengenai orang-orang Muhajir dan Ansar.

Kita berharap persahabatan di dalam Ikhwan ini akan mendapat sambutan daripada masyarakat kita bersama dan mudah-mudahan kelak tiap-tiap anggota Ikhwan itu akan berusaha sedapat mungkin membanyakkan orang-orang menyertainya supaya cita-cita persaudaraan yang kita bina itu akan berkembang di seluruh Tanah Melayu pada masa-masa yang akan datang.

Pekerjaan atau jalan yang kita lakukan ini adalah semata-mata menyampaikan hasrat dari beberapa sahabat dan dijalankan dengan tidak ada sedikit pun juga mencari faedah material di dalamnya. Dan kerana itulah dengan empat barang yang kita berikan itu harganya hanya lima puluh sen sahaja. Dan sidang pembaca sendiri dapat mengukurnya apakah ada keuntungan yang kita dapat daripada itu.

Kita berharap mudah-mudahan Allah memberi kita taufik dan hidayah untuk menyenggarakan dan menyampaikan